

13 KEBARANGKALIAN MUDAH

13.1 Kebarangkalian Eksperimen


$$\text{Kebarangkalian} = \frac{\text{Bilangan kali peristiwa berlaku}}{\text{Bilangan cubaan}}$$

1. Padankan.

Dapat hadiah pertama dalam cabutan bertuah di majlis ribu orang.	•	•	mustahil
Menahirkan seorang bayi lelaki.	•	•	Kemungkinan kecil
Matahari terbit dari Timur	•	•	Kemungkinan sama
Hujan selepas cuaca mendung.	•	•	Pasti
Manusia hidup selama 150 tahun.	•	•	Kemungkinan besar

Malaysia bersalji pada waktu pagi.	•	•	0
Matahari terbit dari Timur.	•	•	0.5
Bayi itu adalah lelaki.	•	•	1

2. Afwa mengeluarkan sebiji bola dari setiap kotak berikut. Nyatakan (taipkan) kebarangkalian mendapat bola putih.



Kotak	Jumlah bola	Bilangan bola putih	Kebarangkalian
V			
W	4	1	1/4
X			
Y			
Z			

a. Di kotak mana, kebarangkalian mendapat bola putih paling tinggi?

b. Bagaimana meningkatkan kebarangkalian untuk mendapat bola putih?

3. Apabila sebiji dadu adil dilambungkan, cari kebarangkalian

(a) mendapat nombor 1?


(b) mendapat nombor genap?

(c) mendapat nombor perdana?

(d) mendapat nombor kurang daripada 5

Video ini boleh membantu kamu menjawab.

<https://youtu.be/kqdrLXjSDw>



4. Satu huruf dipilih secara rawak daripada perkataan **MATHE**. Cari kebarangkalian memilih satu huruf **vokal**.

5. 4 orang peserta menyertai satu pertandingan. Jika setiap peserta mempunyai **peluang yang sama** untuk menang, cari kebarangkalian seorang peserta memenangnya.

6. Satu nombor dipilih secara rawak daripada set $\{2, 3, 5, 7, 9, 10\}$. Cari kebarangkalian bahawa satu nombor **ganjil** terpilih.

7. Sebuah sekolah mempunyai **300 orang murid lelaki** dan **400 orang murid perempuan**. Jika seorang murid dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa seorang murid **lelaki** terpilih.

8. Jadual di bawah menunjukkan keputusan peperiksaan Matematik bagi **330** orang murid Ting.2.

Gred	A	B	C	D
Kekerapan	72	128	85	45

Jika seorang murid dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa murid itu memperoleh

(a) gred A

(b) gred B

(c) gred D

9. Jadual di bawah menunjukkan bilangan peserta daripada empat rumah sukan dalam acara merentas desa.

Rumah	Biru	Hijau	Merah	Kuning
Kekerapan	224	306	265	145

Jika seorang peserta dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa peserta itu daripada

(a) rumah Hijau

$$\frac{\square}{\square}$$

(b) rumah Merah

$$\frac{\square}{\square}$$

(c) rumah Kuning

$$\frac{\square}{\square}$$

10. Sebiji dadu adil dilambung. Jadual di bawah menunjukkan keputusan eksperimen.

Nombor	1	2	3	4	5	6
Kekerapan	250	360	225	165	420	180

Cari kebarangkalian bagi mendapat

(a) nombor 1

$$\frac{\square}{\square}$$

(b) satu nombor perdana

$$\frac{\square}{\square}$$

(c) 4 atau 6

$$\frac{\square}{\square}$$